



KENYATAAN MEDIA
BORNEO ARTS FESTIVAL 2025 DAN HARI BERTEMU PELANGGAN
PERBADANAN LABUAN 2025

17 NOVEMBER 2025 (ISNIN) – Borneo Arts Festival 2025 telah melabuhkan tirainya setelah dilancarkan dengan rasminya pada 13 November 2025. Majlis Perasmian Penutupan Borneo Arts Festival 2025 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri. Majlis ini juga turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Dr. Zaliha Binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dalam satu majlis yang gilang gemilang. Majlis tersebut telah dihadiri oleh lebih 2,000 jemputan yang terdiri daripada pegawai daripada Jabatan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Labuan, para peserta pameran, ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan di WP Labuan, rakan-rakan media, pemimpin-pemimpin Masyarakat dan warga WP Labuan

Borneo Arts Festival 2025 kali ini menampilkan satu kelainan yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini. Disamping mengekalkan acara-acara utama iaitu Pertandingan Tarian Kreatif Borneo dan Pertandingan Tingkah Geruh yang telah menarik 26 penyertaan dari Malaysia dan Indonesia dan Pertandingan Rekaan Fesyen Nasional Kostum Kreatif yang telah menarik 16 penyertaan, BAF 2025 digabungkan dengan pameran pelbagai taman yang memaparkan 15 taman hiasa landskap serta lampu serta mempamerkan budaya kaum-kaum yang ada di Borneo seperti Etnik Kedayan, Etnik Sabah, Etnik Sarawak dan Melayu.

Dengan tema Warisan Seni Borneo – Where Arts Meet Lights, pelbagai acara pengisian telah diatur sepanjang festival yang berlangsung selama 5 hari yang memaparkan kebudayaan dan gaya kehidupan kaum-kaum yang ada di sekitar Borneo. Berdasarkan kepada rekod, festival tahun ini telah berjaya menarik 40,000 pengunjung dari dalam dan luar WP Labuan.

Pada masa yang sama, Perbadanan Labuan mengambil kesempatan mengadakan Hari Bertemu Pelanggan Perbadanan Labuan 2025 yang telah diadakan di kawasan tapak letak kereta, Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan. HBPPL 2025 kali ini bukan sahaja dijayakan oleh jabatan-jabatan dalaman Perbadanan Labuan, tetapi juga disertai oleh 12 agensi kerajaan antaranya Jabatan Pendidikan Negeri Labuan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan, Jabatan Pendaftaran Negara Labuan, Jabatan Kerja Raya Labuan, Jabatan Kesihatan Negeri Labuan, Tourism Malaysia Labuan, Jabatan Penerangan Labuan, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Jabatan Muzium Malaysia Labuan, Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Labuan, Pusat Pungutan Zakat MAIWP Labuan dan Telekom Malaysia Labuan.

HBPPL 2025 telah berjaya menarik kehadiran lebih 5,000 pengunjung sepanjang 5 hari program ini diadakan. Pelbagai pengisian menarik telah disediakan yang lebih menumpukan kepada perkhidmatan terus kepada pelanggan, slot FB Live yang membicarakan tentang isu serta perkara-perkara terkini yang ingin disampaikan oleh jabatan terlibat serta Interaktif HBPPL yang dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Belia Labuan.

Sinergi dan kerjasama strategik yang ditampilkan dalam penganjuran BAF 2025 dan HBPPL 2025 membuktikan kepada kita kepentingan untuk bergerak bersama-sama bagi memastikan apa jua tujuan dan objektif yang ditetapkan dapat dicapai dalam ruang lingkup yang lebih meluas serta faedah yang diperolehi juga dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Disediakan oleh :

PERBADANAN LABUAN

30 JULAI 2025